

TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET 2.0 DIPERKUKUH MENERUSI TRANSFORMASI AKREDITASI, PENGIKTIRAFAN PEMAIN INDUSTRI

SUMBER : BERNAMA - 14 JULAI 2026

TVET 2.0 Diperkukuh Menerusi Transformasi Akreditasi, Pengiktirafan Pemain Industri

14/07/2026 03:01 PM



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini. -- fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) 2.0 bakal diperkukuh menerusi transformasi akreditasi terus daripada pemain industri utama, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang berkata pendekatan strategik itu penting bagi memastikan standard kompetensi pembelajaran TVET sentiasa berpaksikan keperluan sebenar pasaran kerja, sekali gus melonjakkan kadar kebolehpasaran graduan serta menangani isu ketidakpadanan.

"Hala tuju bersepadu TVET Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) adalah jelas, iaitu melahirkan graduan TVET yang bukan sahaja kalis masa hadapan, menguasai teknologi tinggi dan diiktiraf oleh industri, malah kompeten sebagai teknousahawan serta pencipta pekerjaan yang mampu memacu ekonomi luar bandar demi kemakmuran negara," katanya pada sesi soal jawab.

Beliau menjawab soalan Datuk Adnan Abu Hassan (BN-Kuala Pilah) mengenai hala tuju kementerian dalam memastikan program TVET sentiasa selaras dengan keperluan industri masa hadapan.

Rubiah berkata menerusi kerangka TVET 2.0 juga, KKDW akan memfokuskan pembangunan modal insan secara lebih proaktif termasuk memperkasakan program TVET Tahfiz.

"Inisiatif ini adalah demi melahirkan generasi huffaz yang bukan sahaja mampan dari aspek sahsiah dan jiwa, malah dilengkapi dengan kemahiran teknikal digital dan teknologi tinggi agar mereka mampu berdaya saing dalam pasaran kerja global," katanya.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET 2.0 DIPERKUKUH MENERUSI TRANSFORMASI AKREDITASI, PENGIKTIRAFAN PEMAIN INDUSTRI

SUMBER : BERNAMA - 14 JULAI 2026

Beliau berkata institusi TVET KKDW terus memperkasakan pelatih dengan penguasaan teknologi termaju selaras dengan agenda pendigitalan global seperti kecerdasan buatan (AI), Internet benda (IoT), pengkomputeran awan, keselamatan siber, automasi, robotik dan sistem pengilangan pintar.

Bagi mengoptimumkan sumber kepakaran dan memaksimumkan keberkesanan latihan, Rubiah berkata institusi TVET KKDW turut melaksanakan pengkhususan bidang secara bersasar, antaranya TVETMARA Petaling Jaya yang memfokuskan kepada IoT, TVETMARA Besut dalam pengkomputeran awan dan TVETMARA Pasir Mas sebagai pusat Permodelan Maklumat Bangunan (BIM).

Beliau berkata German-Malaysian Institute pula memberi tumpuan kepada pemindahan teknologi industri Jerman dengan penekanan kepada pembuatan termaju berteraskan Revolusi Industri 4.0 dan Universiti Kuala Lumpur di peringkat pendidikan tinggi menjadi peneraju utama "High TVET" menerusi program seperti Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kecerdasan Buatan.

-- BERNAMA